

Melaka rayu kerajaan Persekutuan buat pembenihan awan jika tiada hujan

Elak cuci kereta, siram bunga

MELAKA – Penurunan paras air di Empangan Durian Tunggal secara berterusan di negeri ini ekoran cuaca panas berpanjangan boleh menyebabkan kerajaan negeri melakukan catuan air kepada penduduknya.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, ini berikutan satu daripada tiga empangan di Melaka iaitu Empangan Durian Tunggal di Alor Gajah berada pada tahap amaran iaitu 58 peratus kelmari berbanding 60 peratus pada Jumaat lalu.

Menurut beliau, dua lagi empangan utama iaitu Empangan Jus dan Asahan di Jasin berada pada tahap baik iaitu masing-masing pada 77 peratus dan 89 peratus, namun kerajaan negeri terus memantau tahap empangan berkenaan.

“Terdapat maklumat beberapa kawasan di negeri ini menerima hujan tetapi tidak tertumpu di Empangan Durian Tunggal.

“Setakat ini, ia belum menjejaskan bekalan air di Melaka namun sekiranya tiada hujan dalam tempoh 14 hari bermula hari ini (semalam), kita akan memohon kerajaan Perseku-



KEADAAN Empangan Durian Tunggal di Melaka yang semakin surut ketika negara dilanda musim panas.

tuhan melakukan pembenihan awan untuk memastikan bekalan air tidak terjejas sehingga perlu dicatu,” kata beliau di sini semalam.

Terdahulu, Idris merasmikan Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka di Kompleks Seri Negeri, Ayer Keroh di sini yang turut dihadiri Pengarah JBPM Melaka, Nazili Mahmood.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pelaksanaan catuan air di negeri itu akan dilakukan sekiranya keadaan panas dan kering berterusan tanpa hujan dalam tempoh sebulan dari sekarang.

Justeru katanya, rakyat di negeri ini digesa untuk tidak melakukan pembaziran air dan menggunakan air terawat yang dibekalkan bagi kegunaan penting sahaja terutama untuk minuman dan memasak.



IDRIS (dua dari kiri) melawat pameran peralatan bomba selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri di Dewan Seri Negeri di Melaka semalam.

“Musim ini bukan masa untuk mencuci kereta atau menyiram pokok bunga. Sekiranya benar-benar perlu, rakyat dinasihatkan tidak menggunakan air terawat yang dibekalkan bagi mengelak pembaziran,” katanya.

Beliau berkata, pada masa sama, kerajaan negeri telah dan akan melaksanakan solat hajat secara berterusan sebagai usaha alternatif memohon hujan di negeri ini.

INFO Bacaan suhu terkini (4 April 2016)

Batu Embun, Pahang	38.0 Celsius
Chuping, Perlis	36.3 Celsius
Kuala Pilah, Negeri Sembilan	35 Celsius
Alor Setar, Kedah	34 Celsius
Ipoh, Perak	34 Celsius
Seberang Prai, Pulau Pinang	32 Celsius
Kota Bahru, Kelantan	32 Celsius
Petaling Jaya, Selangor	31 Celsius
Melaka	35.9 Celsius
Senai, Johor	34.5 Celsius

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

“Musim ini bukan masa mencuci kereta atau menyiram pokok bunga. Sekiranya benar-benar perlu, rakyat dinasihatkan tidak menggunakan air terawat bagi mengelak pembaziran

IDRIS HARON